



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR**  
**PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PROJEK**  
**KOD KURSUS : DSB3173**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (30 Markah)  
BAHAGIAN C (50 Markah)
  
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---




**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

1. Lengkapkan carta proses pengurusan projek ideal (*Idealised Project Process*) di bawah.

(5 markah)




2. Senaraikan jenis projek binaan berdasarkan kategori pembinaan dalam jadual di bawah :  
(12 markah)

Rumah banglo	Sekolah	Jambatan
Pembentung	Bangunan tinggi	Landasan keretapi
Kedai	Pelabuhan	Lapangan terbang
Empangan	Kilang	Stesen penyiaran

KEJURUTERAAN BINAAN RINGAN	KEJURUTERAAN BINAAN BERAT
a)	a)
b)	b)
c)	c)
d)	d)
e)	e)
f)	f)

3. Lengkapkan carta di bawah.  
(3 markah)



[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

1. Nyatakan **enam (6)** kegunaan spesifikasi teknikal di dalam butiran dokumen kontrak. (6 markah)
2. Terangkan **empat (4)** jenis dokumen kontrak. (4 markah)
3. Bezakan antara perancangan dan penjadualan dalam pengurusan projek. (4 markah)
4. Jelaskan **enam (6)** sebab utama sesebuah projek itu dianggap gagal. (6 markah)
5. Nyatakan **empat (4)** faktor yang menyumbang kepada kos tidak tepat dalam perbelanjaan projek pembinaan. (4 markah)
6. Bincangkan **enam (6)** isu atau kelemahan yang timbul diperingkat pembinaan. (6 markah)

[30 MARKAH]

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

KOD	AKTIVITI	TEMPOH MASA (minggu)	IPA, Sebaik Sebelum Aktiviti ( <i>Immediately Preceding Activity</i> )
A	Merekabentuk	6	-
B	Pengendalian kerja awalan	9	A
C	Kerja-kerja Tanah	5	A, B
D	Kerja-kerja asas pad	6	C
E	Pembinaan rangka struktur	7	D

Jadual 1

- a) Berdasarkan Jadual 1 (jadual kerja-kerja pembinaan) di atas, anda diminta melakarkan Rajah Jaringan yang menunjukkan CPM (*Critical Path Method*).  
(10 markah)
- b) Berpandukan Jadual 1 (jadual kerja-kerja pembinaan) di atas, binakan Carta Gantt yang sesuai untuk pemantauan proses kerja pembinaan.  
(20 markah)

**SOALAN 2**

Kontraktor Maju ditugaskan untuk menyiapkan tangki air sebanyak 3 unit dan tempoh menyiapkan tangki tersebut adalah 3 minggu. Setiap kos pembinaan tangki air itu adalah RM 1000 per unit. Namun kontraktor Maju telah menyiapkan 1 tangki air pada akhir minggu kedua dan telah membelanjakan sebanyak RM 3000.

- a) Hitungkan Varian Jadual/ *Schedule Variance (SV)* dan Varian Kos/ *Cost Variance (CV)* bagi kerja kontraktor Maju. (10 markah)
- b) Binakan lengkok S/ *S-Curve* bagi kerja pembinaan tangki air oleh kontraktor Maju. (10 markah)

**[50 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**

